

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Jabatan Bendahari UUM -BEND
Sent: 31 Disember 2015 23:55
To: UUM - All Staff
Cc: Amron B Man
Subject: WARGA BENDAHARI BERTUNGKUS LUMUS DI MALAM TERAKHIR 2015

Importance: High



Jabatan Bendahari
Bursar's Department
Universiti Utara Malaysia



31 DISEMBER 2015 (KHAMIS)| 19 RABIULAWAL 1437H

=====

"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)



Seperti kebiasaan 31 Disember adalah tarikh paling sibuk di Jabatan Bendahari UUM di mana proses penutupan akaun dilaksanakan selepas berakhirnya waktu pejabat. Di kala semua orang menantikan detik ketibaan tahun baru, warga Bendahari akan bertungkus lumus memastikan segala transaksi untuk tahun 2015 diakaunkan dengan sempurna dan seterusnya proses penyediaan laporan Penyata Kewangan Tahunan berjalan lancar.

31 Disember 2015 adalah tidak terkecuali. Dengan penuh komitmen dan kerjasama erat di antara warga Jabatan Bendahari dan pegawai-pegawai UUMIT maka tepat jam 11.35 malam penutupan Akaun Universiti untuk tahun 2015 telah berjaya dilaksanakan. Walaupun pada peringkat awalnya terdapat sedikit masalah dengan sistem tetapi kesabaran dan dedikasi semua pegawai dan staf terlibat, segala kesulitan dan permasalahan telah dapat diatasi. Ibarat kata pepatah Inggeris '*Coming together is a beginning, keeping together is progress, working together is success*'.

Selamat Menyambut Tahun Baru, semoga tahun 2016 akan membawa kejayaan dan kebahagiaan untuk kita semua.

Tamat

<https://www.facebook.com/UumBursary>

<http://bendahari.uum.edu.my/>

"Melestarikan Kewangan Universiti"



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>